

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 AUGUST 2016

Selesaikan segera isu taraf warganegara kaum India - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sudah tiba masanya kerajaan menyelesaikan masalah hak kewarganegaraan melibatkan segelintir kaum India yang lahir sebelum merdeka.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu diberi keutamaan memandangkan golongan berkenaan yang banyak berkorban untuk negara ini.

“Saya ambil maklum apa yang disuarakan Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam bahawa mereka yang lahir sebelum merdeka masih ada lagi yang tidak memperoleh hak warganegara,” katanya ketika berucap merasmikan sambutan ulang

tahun MIC Ke-70 di sini hari ini.

Yang turut hadir, barisan kepimpinan parti itu, Duta Khas Malaysia ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S. Samy Vellu dan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN)

Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah kepada keluarga lapan bekas pemimpin MIC terdahulu bagi menghargai jasa dan sumbangan mereka

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan turut bersedia untuk membina asrama kepada pelajar-pelajar daripada kalangan berpendapatan rendah supaya mereka mendapat peluang pendidikan berkualiti.

“Inilah cara kita membantu mereka supaya ada kemudahan sosial mobiliti yang akan turut memberi manfaat kepada selu-

ruh keluarga,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun jumlah kaum India di negara ini hanya meliputi 7.3 peratus atau kira-kira dua juta penduduk, mereka dianggap sebagai satu komuniti yang merupakan rakan setia kepada BN.

Oleh itu, katanya, perkongsian itu perlu dikekalkan dan mengamalkan konsep kebersamaan sebagai satu keluarga untuk masa depan lebih baik semua masyarakat negara ini.

“Kita perlu bekerja sebagai satu keluarga dengan membangkitkan semangat nambikai (kepercayaan), saya percaya kita boleh memperkasakan kedudukan setiap etnik komuniti kerana saya yakin sebagai Perdana Menteri, saya perlu menjadi Perdana Menteri untuk semua,”

katanya.

Sementara itu, Subramaniam berkata, Najib merupakan satu-satunya Perdana Menteri yang tahu dan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat India sekali gus tampil dengan pelbagai program dan perancangan untuk memperbaiki kehidupan kaum itu.

Beliau berkata, banyak inisiatif dan dasar telah dilaksanakan sepanjang pentadbiran Perdana Menteri sejak tahun 2010 hingga kini.

“Antaranya ialah penyediaan peruntukan bantuan untuk sekolah-sekolah Tamil, pinjaman kepada usahawan India dan meningkatkan kemasukan pelajar India di pusat matrikulasi, universiti awam dan kolej kemahiran,” katanya.

um- 7/8/2016